

24/12/1998

Rundingan beri manfaat

JOHOR BAHRU, Rabu - Kerajaan Johor percaya rundingan mengenai bekalan air di antara Kerajaan Pusat dan Singapura boleh memberi manfaat bersama kepada kedua-dua negara.

Sehubungan itu, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman menegaskan Johor memberi sokongan penuh terhadap rundingan di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya, Goh Chok Tong pada Sidang Kemuncak Asean di Hanoi, Vietnam, baru-baru ini.

Beliau berkata, Johor gembira dengan perkembangan terbaru yang dilakukan kedua-dua pemimpin itu berhubung isu berkenaan.

"Johor memantau perkembangan itu, malah kita sendiri selama ini mempunyai pegawai kanan kerajaan negeri yang terbabit dalam siri perbincangan berkaitannya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kempen pemilikan rumah di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar rasmi Pas, Harakah, minggu lalu yang menyiarkan berita mengenai rundingan di antara kedua-dua negara mengalami masalah kerana perbincangan mengenai isu bekalan air diadakan antara Dr Mahathir dan Goh, sedangkan air dibekalkan oleh kerajaan Johor.

Malah, akhbar itu turut menyebut dalam laporan yang dipetik oleh media Singapura, Johor sudah mengemukakan bantahan dan perbincangan di antara Abdul Ghani dan Dr Mahathir akan diadakan secepat mungkin.

(END)